

27/03/1998

Langkah bela swasta bermasalah wajar

DEWAN Rakyat semalam diberitahu langkah kerajaan membela sektor swasta yang bermasalah adalah wajar kerana tindakan itu membentuk sebahagian daripada tanggungjawab moral yang tersirat di sebalik dasar Persyarikatan Malaysia.

Pengerusi Kelab Penyokong-penyokong Kerajaan (BBC), Ruhanie Ahmad (BN-Parit Sulong), berkata pembelaan itu juga dilakukan berdasarkan lunas-lunas kenegaraan dan kebanggaan nasional yang murni.

"Bagaimanapun, kerajaan perlu mewujudkan pelbagai instrumen kewangan sebagai jaring keselamatan yang memberikan pembelaan kepada golongan usahawan kecil dan sederhana," katanya ketika membahaskan titah Yang di-Pertuan Agong.

Menurutnya, golongan berkenaan tidak boleh diketepikan kerana ia adalah sebahagian daripada pendokong setia Barisan Nasional.

Sehubungan itu, beliau mengajak semua pihak supaya memperkukuhkan semula kepercayaan serta keyakinan yang bertimbal balas di antara rakyat dan kerajaan dan di antara sektor awam dengan swasta.

Ruhanie juga mencadangkan supaya wakil media dilantik menganggotai Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN) kerana golongan itu turut berusaha membantu meyakinkan rakyat mengenai usaha kerajaan memulihkan ekonomi negara.

Menurutnya, media massa tempatan perlulah dibawa berunding dalam usaha mewujudkan satu strategi khusus mengenai pemberitaan dalam konteks mengatasi krisis ekonomi sekarang.

"Media massa perlu diberi garis panduan khusus (dalam konteks penulisan berita) dalam menangani masalah ekonomi sekarang," katanya.

Beliau berkata, tokoh-tokoh media massa seperti Tan Sri A Samad Ismail, Datuk Nazri Abdullah, Senator Datuk Zainuddin Maidin, Datuk Kadir Jasin, Datuk Johan Jaafar dan wakil media dari akhbar Cina dan Tamil, perlu dipertimbangkan secara serius untuk menduduki salah satu kerusi dalam MTEN.

MTEN mempunyai 24 anggota dan diketuai oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad selaku Pengerusi. Ia ditubuhkan sebagai sebuah badan perunding dan penasihat kepada Jemaah Menteri mengenai cara-cara untuk menangani dan mengatasi masalah ekonomi negara.

Katanya, usaha melantik wakil media menganggotai MTEN boleh mengelakkan penyiaran berita yang mengandungi unsur-unsur negatif terhadap ketenteraman awam, perpaduan nasional atau pun membina keyakinan di negara ini.

"Di dalam krisis, janganlah ada pihak yang berkecuali atau dikecualikan," katanya.

Beliau juga menyentuh mengenai kelompok tertentu yang cuba mengungkit soal akauntabiliti kerajaan kepada rakyat menerusi lunas-lunas ketelusan yang total atau keterbukaan sepenuhnya.

"Janganlah keengganan kerajaan berterus-terang di waktu krisis ditafsirkan bahawa kerajaan sudah tidak telus dan kerajaan sudah mula meremehkan akauntabilitinya terhadap rakyat jelata," katanya.

(END)